

06/12/1999

Shahidan Menteri Besar Perlis

JITRA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan Datuk Seri Shahidan Kassim kekal sebagai Menteri Besar Perlis.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah menyerahkan surat pelantikan kepada Shahidan baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, beliau memerlukan masa untuk memilih Menteri Besar Kedah yang baru berikutan pengunduran Tan Sri Sanusi Junid.

"Pemilihan itu akan dibuat secepat mungkin," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis jamuan kesyukuran Barisan Nasional (BN) Kubang Pasu di Institut Perguruan Darul Aman (IPDA), di sini hari ini.

Semalam, Sanusi mengumumkan tidak akan menjadi Menteri Besar Kedah lagi selepas meneliti keputusan buruk BN Kedah pada pilihan raya umum 29 November lalu.

Bagaimanapun, Sanusi tidak menyatakan sama ada turut meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, Pengerusi BN negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuah.

Perdana Menteri bersetuju dengan keputusan Sanusi selepas dimaklumkan melalui surat pada Selasa lalu dan perbincangan di Langkawi, Jumaat lalu.

Sanusi juga dilaporkan berkata, majlis angkat sumpah akan dilangsungkan Sabtu ini kerana Sultan Kedah berlepas ke Thailand semalam dan hanya akan pulang pada Khamis ini, manakala 10 Disember pula adalah cuti hujung minggu di negeri ini.

Ketika ditanya mengenai calon Menteri Besar Kedah, Dr Mahathir secara berseloroh berkata, antara kriteria yang perlu bagi pelantikan berkenaan ialah calon terbabit mestilah Adun.

"Dia (Menteri Besar Kedah yang baru) mesti Yang Berhormatlah, Ahli Dewan Undangan Negeri. Itu sajalah. Dia kena Adunlah, kita tak pilih orang lain.

"Bagi saya masa untuk fikir. Perlis, Shahidan saya dah bagi surat," katanya.

Ditanya sama ada calon berkenaan seharusnya mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai Islam, Dr Mahathir berkata semua ahli Umno mempunyai pendidikan agama yang mendalam. "Saya tak tahu nak buat kriteria. Semua ahli Umno mempunyai pendidikan agama yang mendalam. Saya tidak nampak sesiapa ahli Umno yang tidak berpendidikan agama," katanya.

Sementara itu, pengunduran Sanusi menimbulkan spekulasi pelantikan Adun Tanjung Seri, Fadzil Hanafi yang menewaskan calon Pas, Niamat Yusoff, dengan undi majoriti 440 pada pilihan raya baru-baru ini.

Pemerhati politik berpendapat, Bekas Pengarah Bahagian Hal Ehwal Khas Jabatan Penerangan berusia 42 tahun itu mungkin boleh dipertimbangkan berdasarkan kelayakan akademiknya dalam bidang pengajian agama di Universiti Al-Azhar, Mesir.

Fadzil yang dilahirkan di Kampung Gajah Mati, Pokok Sena sebelum ini pernah berkhidmat sebagai guru agama di Sekolah Kebangsaan Ayer Hangat, Langkawi dan Raudatul Ulum, Langgar.

Pada pilihan raya 1995, Fadzil yang bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Raya ditewaskan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dengan majoriti 2,416 undi.

(END)